

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

PLG 434 - Pentadbiran dan Pengurusan Sukan

Masa : [3 jam]

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. Terang dan kemukakan contoh-contoh mengenai konsep-konsep perundangan yang asas berkaitan dengan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan.

(25 markah)

2. Liabiliti merupakan tanggungjawab seseorang guru mewujudkan persekitaran yang selamat bagi pelajar-pelajar semasa mereka melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang tersusun. Kadangkala kecuaiian berlaku apabila jagaan yang piawai tidak dapat dilaksanakan, dan guru gagal memberi perlindungan daripada kemalangan kepada pelajar-pelajarnya. Pelbagai garis panduan boleh diikuti untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya dakwaan atau tindakan undang-undang dalam mahkamah mengenai kecuaiian ini. Bincangkan.

(25 markah)

3. Terangkan TIGA (3) falsafah pengurusan. Tuliskan satu analisis sendiri (self-analysis) mengenai falsafah pengurusan ini.

(25 markah)

...2/-

4. Polisi, prosedur, peralatan dan kemudahan merupakan aspek-aspek penting dalam pelaksanaan program Pendidikan Jasmani dan Kesehatan yang bermutu tinggi. Bincangkan.

(25 markah)

5. Apakah yang boleh diusahakan untuk menolong guru yang kematian minat bersemangat semula terhadap profesionnya?

Bagaimanakah kematian minat ini boleh dicegah?

(25 markah)

- oooOooo -